UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

# ACW 212 - Perakaunan Korporat 1

Masa : 3 jam

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

...2/-

## KAJIAN KES

Kunci Kira-kira pada 31 Januari 2001 untuk kumpulan Perdana Bhd. adalah seperti berikut:

| | Perdana Bhd. RM' 000 | Waja Bhd. RM' 000 | Iswara Bhd. RM' 000 | Kancil Sdn. Bhd. RM' 000 |
|---|---|---|---|---|
| **Aset Tetap** | | | | |
| Tanah milikbebas | 210 | 170 | - | 50 |
| Loji dan peralatan | 350 | 40 | 125 | 110 |
| | 560 | 210 | 125 | 160 |
| **Pelaburan** | | | | |
| Pelaburan di Waja Bhd. (Nota 3) | 340 | - | - | - |
| Pelaburan di Iswara Bhd. | 100 | 160 | - | - |
| Pelaburan di Kancil Sdn. Bhd. | 250 | - | - | - |
| | 690 | 160 | - | - |
| **Aset Semasa** | | | | |
| Stok | 60 | 180 | 100 | 95 |
| Penghutang | 104 | 85 | 50 | 100 |
| Tunai dan baki di bank | 75 | 155 | 85 | 46 |
| | 239 | 420 | 235 | 241 |
| **Liabiliti Semasa** | | | | |
| Pemiutang | 100 | 80 | 95 | 75 |
| Peruntukan cukai | 40 | - | 15 | - |
| Dividen dicadangkan | 30 | 20 | - | - |
| | 170 | 100 | 110 | 75 |
| | 1,319 | 690 | 250 | 326 |
| Saham biasa (RM 1) | 400 | 150 | 100 | 150 |
| 10% Saham keutamaan (RM 1) | - | 80 | - | - |
| Premium saham | 150 | 60 | - | - |
| Keuntungan tertahan | 349 | 180 | 110 | 131 |
| Ekuiti pemegang saham | 899 | 470 | 210 | 281 |
| **Liabiliti Tertunda dan Jangka Panjang** | | | | |
| Pinjaman jangka panjang | 320 | 45 | 40 | 35 |
| 8% Debentur | | 100 | - | - |
| Cukai tertunda | 100 | 75 | | 10 |
| | 420 | 220 | 40 | 45 |
| | 1,319 | 690 | 250 | 326 |
| | - | - | - | - |

Perdana Bhd. memperolehi 70% modal saham biasa dan 40% kepentingan dalam 8% Debentur di Waja Bhd. pada 1 Febuari 1998. Kos perolehan ialah RM307,000 dan RM40,000 masing-masing.

Pada 1 Febuari 1998 Perdana Bhd. juga memperolehi 12% kepentingan dalam Iswara Bhd. pada kos RM100,000 dan pada tarikh yang sama Perdana Bhd. mengarahkan Waja Bhd. memperolehi 40% kepentingan dalam Iswara Bhd. pada kos RM160,000. Keuntungan tertahan Iswara Bhd. pada tarikh tersebut ialah RM60,000.

Pada 1 Julai 2000 Perdana Bhd. memperolehi 100% kepentingan dalam Kancil Sdn. Bhd. pada kos RM250,000. Badan pengarah Perdana Bhd. bercadang untuk menjual syarikat tersebut dalam tempoh 12 bulan akan datang. Beberapa pembeli berminat untuk membeli Kancil Sdn. Bhd. pada harga RM400,000. Dengan ini, Kancil Sdn. Bhd. tidak lagi dimasukkan di dalam penyata kewangan Disatukan pada tarikh tersebut.

Maklumat berikut adalah relevan bagi penyediaan penyata kewangan kumpulan.

*(1)* Pada 1 Februari 1998 rizab Waja Bhd. adalah seperti berikut:

| | ***RM' 000*** | |
|---|---|---|
| *Premium saham* | *60* | |
| *Keuntungan tertahan* | *100* | *(sebelum bayaran dividen)* |

Waja Bhd. menjelaskan RM10,000 dividen dari keuntungan tertahan tersebut pada 5 Februari 1998.

*(2)* Pada tarikh penyatuan, nilai buku aset dan liabiliti Waja Bhd. dinyatakan pada nilai saksama kecuali bagi tanah milik bebas yang mempunyai nilai saksama melebihi nilai buku sebanyak RM20,000.

*(3)* Kos pelaburan di Waja Bhd. ialah:

| | **RM '000** |
|---|---|
| Modal saham biasa | 307 |
| Tolak dividen dari keuntungan pra perolehan | (7) |
| | 300 |
| 8% debentur | 40 |
| | 340 |

*(4)* Semua asset dan liabiliti Iswara Bhd. dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh penyatuan.

*(5)* Stok akhir (antara kumpulan syarikat) pada 31 Januari 2001 ialah :

| | ***RM' 000*** |
|---|---|
| *Perdana Bhd. (membeli dari Waja Bhd.)* | *10* |
| *Wira Bhd. (membeli dari Perdana Bhd.)* | *40* |

Margin keuntungan antara syarikat ialah 20% atas jualan.

*(6)* Waja Bhd. telah memperuntukkan dividen bagi saham biasa, tetapi tidak memperuntukkan setengah tahun dividen saham keutamaan dan setengah tahun faedah debentur.

*(7)* Muhibbah akan dilunaskan dalam tempoh 5 tahun.

...4/-

**Bahagian (A) (60%)**
**Semua soalan dalam bahagian ini berdasarkan kajian kes.**

Soalan 1 (20%)

Jawab bahagian (a) dan (b) berpandukan MASB 11 "Consolidated Financial Statements and Investments in Subsidiaries".

(a) Tulis nota ringkas:

(i) Peraturan dalam mengenal pasti subsidiari. (10 markah)
*(The rules in identifying a subsidiary.)*

(ii) Bincangkan keadaan dimana subdisiari perlu di asingkan dari penyatuan (4 markah)
*(Disscuss the circumstances where a subsidiary should be excluded from condolidation.)*

(b) Nyatakan kaedah perakaunan untuk Waja Bhd., Iswara Bhd dan Kancil Sdn. Bhd. dalam penyata kewangan disatukan Perdana Bhd. (6 markah)

Soalan 2 (20%)

Anda dikehendaki:

(i) Lukis struktur kumpulan dan kira pembahagian kepentingan bagi Perdana Bh (4 markah)

(ii) Kira muhibah untuk Waja Bhd. and Iswara Bhd. (7 markah)

(iii) Kira keuntungan tidak direalis dalam stok pada tempoh terakhir. (2 markah)

(iv) Kira kepentingan minoriti dalam Waja Bhd. dan Iswara Bhd. (4 markah)

(v) Kira keuntungan tertahan disatukan untuk Perdana Bhd. (3 markah)

Soalan 3 (20%)

Dengan mengunakan jawapan dari soalan 1(b) dan soalan 2, anda dihendaki menyediakan Kunci Kira-kira disatukan untuk Perdana Bhd. pada 31 Januari 2001. (Anda mesti mengikuti format dari MASB 1 "Presentaion of Financial (20 markah)

**Bahagian A**
**Semua soalan dalam bahagian ini adalah berdasarkan kajian kes.**

Soalan 1 (20 markah)

Jawab bahagian (a) dan (b) berpandukan MASB 11 "Consolidated Financial Statements and Investments in Subsidiaries".

(a) Tulis nota ringkas berhubung dengan perkara berikut:

(i) Peraturan dalam mengenal pasti subsidiari.
*(The rules in identifying a subsidiary)*

[ 10 markah ]

(ii) Bincangkan keadaan di mana subsidiari perlu di asingkan dari penyatuan.
*(Disscuss the circumstances where a subsidiary should be excluded from condolidation.)*

[ 4 markah ]

(b) Nyatakan kaedah perakaunan untuk Waja Bhd., Iswara Bhd dan Kancil Sdn. Bhd. dalam penyata kewangan Disatukan bagi Perdana Bhd.

[ 6 markah ]

Soalan 2 (20 markah)

Anda dikehendaki:

(i) Melukiskan struktur kumpulan dan mengirakan pembahagian kepentingan bagi Perdana Bhd.

[ 4 markah ]

(ii) Mengirakan muhibah untuk Waja Bhd. dan Iswara Bhd.

[ 7 markah ]

(iii) Mengirakan keuntungan tidak direalis dalam stok pada tempoh perakaunan terakhir.

[ 2 markah ]

(iv) Mengirakan kepentingan minoriti dalam Waja Bhd. dan Iswara Bhd.

[ 4 markah ]

(v) Mengirakan keuntungan tertahan Disatukan untuk Perdana Bhd.

[ 3 markah ]

Soalan 3 (20 markah)

Dengan menggunakan jawapan dari soalan 1(b) dan soalan 2, anda dikehendaki menyediakan Kunci Kira-kira Disatukan untuk Perdana Bhd. pada 31 Januari 2001. (format MASB 1 "Presentation of Financial Statements" hendaklah diikuti).

[ 20 markah ]

**Bahagian B**

Soalan 4 (20 markah)

MER Bhd. menamatkan gabungan dengan GER Bhd. pada 1 September 2000 melalui pertukaran saham. Dari pertukaran saham ini MER Bhd. memegang 90% kepentingan dalam GER Bhd. MER Bhd. menerbitkan 72 juta saham kepada pemegang saham GER Bhd. pada nilai RM2.50 pada 1 September 2000. Belanja penggabungan dijangka berjumlah RM1 juta.

Kunci Kira-Kira bagi kedua-dua syarikat pada 31 Disember 2000 adalah seperti berikut:

| | **MER Bhd.**<br>**RM'000** | **GER Bhd**<br>**RM'000** |
|---|---|---|
| Aset tetap | 260,000 | 246,000 |
| Aset semasa | 152,000 | 123,000 |
| Liabiliti semasa | (32,000) | (17,000) |
| Liabiliti jangka panjang | (72,000) | (49,000) |
| | 308,000 | 303,000 |
| Saham biasa (RM1) | 160,000 | 100,000 |
| Rizab nilai semula | 20,000 | 80,000 |
| Keuntungan tertahan | 128,000 | 123,000 |
| | 308,000 | 303,000 |

Nota

(1) Perakaunan untuk gabungan perniagaan tersebut belum lagi di rekodkan dalam buku MER Bhd.

...6/-

(2) GER Bhd. menjual barangan kepada MER Bhd. berjumlah RM8 juta. Pada margin keuntungan 20% atas jualan. Pada akhir tahun, MER Bhd. masih mempunyai RM2 juta barangan tersebut di dalam stok.

Anda dikehendaki:

(i) Menyediakan kemasukan jurnal dalam Buku MER Bhd. untuk merekodkan gabungan perniagaan berasaskan perakaunan penggabungan (merger accounting).

[ 4 markah ]

(ii) Menyediakan Kunci Kira-Kira disatukan pada 31 Disember 2000 dengan menggunakan perakaunan penggabungan dan berpandukan MASB ED 23 "Business combinations".

[ 8 markah ]

Soalan 5 (20 markah)

(a) Tulis nota ringkas berpandukan MASB ED 28 "Goodwill" untuk soalan berikut:

(i) Apakah kaedah perakaunan untuk muhibbah yang dihasilkan secara dalaman?
*(What is the accounting treatment for internally generated goodwill?)*

[ 4 markah ]

(ii) Apakah kaedah perakaunan untuk muhibbah yang dihasilkan dari perolehan?
*(What is the accounting treatment for goodwill arising on acquisition?)*

[ 4 markah ]

(iii) Apakah yang dimaksudkan dengan nilai saksama?
*(What is fair value?)*

[ 4 markah ]

(b) Jelaskan istilah berikut berpandukan MASB yang tertera:
MASB 11 "Consolidated Financial Statements and Investments in Subsidiaries"

(i) Kepentingan minoriti *("Minority interest")*

[ 2 markah ]

(ii) Kawalan *("Control")*

[ 2 markah ]

...7/-

MASB ED 23 *"Business combinations"*

(iii) Gabungan perniagaan *("Business combination")*

[ 2 markah ]

(iv) Pengaruh signifikan *("Significant influence")*

[ 2 markah ]

- oooOooo -